

Bekas PM terkejut pendedahan SPRM

BH - 9/11/2020
mk: 7

Najib perlukan masa semak dakwaan rakaman audio, kaji tindakan boleh diambil

Oleh Safeek Affendy Razali dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengaku terkejut dengan pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai rakaman audio berkisar perbualannya dengan beberapa individu berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC).

Bekas Perdana Menteri mendakwa, perkara berkenaan tidak pernah dilakukan dalam sejarah negara, selain mempersoalkan mengapa pendedahan terbabit dibuat menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kimanis, 18 Januari ini.

Sehubungan itu, Najib berkata, beliau memerlukan masa untuk menyemak kandungan rakaman audio berkenaan, mengkaji dari

Saya perlu kaji undang-undang mengenai perkara ini dan lihat apa yang boleh saya lakukan kerana pada masa itu (perbualan), saya adalah ketua kerajaan.

Dimarahi? Tak ada dimarahi, perbualan di antara isteri saya dengan saya dan ia peribadi. Kamu pun bersembang dengan isteri kamu kan? Apa salahnya?

Najib Razak,
Bekas Perdana Menteri



Najib tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

segi undang-undang apa tindakan yang boleh diambil.

“Saya terkejut, saya nak semak dulu. Saya belum semak lagi. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah, saya akan bincangkannya dengan peguam saya,” katanya ketika ditemui di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, di sini semalam.

Katanya, beliau juga perlu mengkaji dari segi undang-undang jika rakaman audio berkenaan diperoleh melalui pintasan panggilan telefon.

“Saya perlu kaji undang-undang mengenai perkara ini dan lihat apa yang boleh saya lakukan kerana pada masa itu (perbualan), saya adalah ketua kerajaan,” katanya.

Sementara itu, portal Malaysia-

kini melaporkan, Najib menegaskan beliau bukan dimarahi isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dalam satu rakaman audio yang didedahkan SPRM, semalam.

Bekas Perdana Menteri sebaliknya berkata, apa yang berlaku cuma suatu perbualan biasa dan peribadi.

“Dimarahi? Tak ada dimarahi, perbualan di antara isteri saya dengan saya dan ia peribadi. Kamu pun bersembang dengan isteri kamu kan? Apa salahnya?” katanya lagi sambil menambah, semua orang berhak untuk berbincang apa saja selagi ia tidak bocor kepada orang ramai.

“Berbincang mengenai hal-hal yang berlaku seharian adalah perkara normal,” katanya.

Dalam perkembangan lain, sua-

sana di luar kompleks mahkamah semalam tegang apabila isteri bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor memarahi seorang individu dipercayai peguam beliau.

Rosmah sebelum itu baru selesai menghadiri prosiding sebutan semula kes rasuah membatalkan projek solar di sekolah pedalaman Sarawak bernilai RM5 juta yang dihadapinya bersama bekas pegawai khas suaminya, Datuk Rizal Mansor.

Sebaik melangkah keluar dari mahkamah, beliau dilihat memarahi individu di sebelahnya dan berkata: “Jangan ajar aku, aku tahulah!”

Individu berkenaan bagaimanapun hanya membalas dengan senyuman.